



WAWANCARA BERSAMA PUAN HAJAH KADARIAH BINTI HAJI DAUD
MENGENAI PENGALAMAN DAN SUMBANGAN BELIAU DALAM
PELAKSANAAN KBSR DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAERAH SEGAMAT
PADA TAHUN 1982 –1993

OLEH:

NUR HIKMAH BINTI ABD RAHMAN (2013457092)

NORAZUWIN BINTI AWANG (2013814182)

PROJEK DI MAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
(IMR 604: DOCUMENTING ORAL HISTORY)

SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2014 – JANUARI 2014)

	PERKARA	MUKA SURAT
	Penghargaan	1
1.0	Abstrak	2
2.0	Pengenalan Oral History (Sejarah Lisan)	3
3.0	Singkatan	4
4.0	Biodata Penulis	5-6
5.0	Pendahuluan	7
6.0	Transkrip Wawancara	8-74
7.0	Log Wawancara	75-88
8.0	Kronologi (Diari)	89-92
9.0	Biodata Tokoh	93-94
10.0	Senarai Soalan Wawancara	95-103
11.0	Ralat	104
12.0	Lampiran	105-111
13.0	Index	112-114

TEMUBUAL BERSAMA PUAN HAJAH KADARIAH BINTI HAJI DAUD

PENGHARGAAN

Pertama sekali syukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia dan izinNYA maka dapatlah kami menyiapkan projek temuramah bersama tokoh bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan pembelajaran dalam subjek IMR 604 (Oral History). Kami bersyukur kepadaNYA kerana memberi kekuatan, ketabahan dan kesabaran dalam menempuhi pelbagai kesusahan dan rintangan dalam proses menyiapkan projek ini.

Juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada tokoh temuramah kami, iaitu Puan Hajah Kadariah Binti Haji Daud dan keluarga kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah dan bekerjasama dengan kami dalam menyumbang idea untuk menyiapkan projek temuramah isecara lisan ini. Tanpa kerjasama dan kesudian dari pihak beliau, kami juga tidak dapat menyiapkan projek ini dengan lengkap dan sepenuhnya.

Juga, tidak lupa kepada pensyarah kami, Puan Azura Binti Kamardzaman, kerana sudi meluangkan masa berbincang dengan kami apa jua masalah yang kami hadapi sepanjang tempoh projek ini dijalankan. Terima kasih juga kepada beliau kerana tidak putus-putus memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami dalam menyiapkan projek ini.

Seterusnya, ribuan terima kasih diucapkan kepada kedua-dua orang ibu bapa kami yang juga tidak berputus asa dalam memberi semangat, membantu kami dari segi kewangan dan mendoakan kejayaan kami sepanjang projek ini dijalankan. Tidak ketinggalan buat rakan-rakan yang juga banyak menyumbangkan idea dan memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang kami menyiapkan projek ini. Juga terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara tidak langsung sepanjang projek ini dijalankan.

Sekian, Terima Kasih

1.0 ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi isi kandungan temubual yang telah dijalankan mengenai Puan Hajah Kadariah Binti Haji Daud yang dijalankan di kediaman beliau Kampung Jawa Segamat Johor pada 21 November 2014. Puan Hajah Kadariah Binti Haji Daud merupakan seorang guru dan pengasas KBSR yang telah bersara selama 18 tahun yang lalu. Temubual tersebut telah merangkumi latar belakang beliau dan keluarga serta perjalanan karier dan penglibatan beliau semasa menjadi seorang guru dan pengasas pertama KBSR suatu ketika dulu. Transkrip ini menghuraikan dengan lebih mendalam kegiatan tokoh ini pada masa beliau aktif sebagai pengasas pertama KBSR disekolah daerah Segamat. Disamping itu juga, transkrip ini mencatatkan tentang penganugerahan yang telah beliau terima semasa penglibatan beliau dalam kerjaya sebagai guru. Beliau juga banyak berkongsi tentang pengalaman pahit manis dalam pelaksanaan KBSR yang dilakukan termasuk cabaran dan persediaan yang beliau lalui sebelum dan selepas pelaksanaan tersebut. Selain itu, beliau sangat menitik beratkan tentang kepentingan KBSR ini di kalangan para pelajar dalam mencapai objektif KBSR itu sendiri dengan dapat membantu mereka mengira, membaca dan menulis. Dialog temubual bersama dengan tokoh turut disertakan dalam transkrip ini.*

Kata Kunci: Guru, Penatia Bahasa Inggeris, Pengasas pertama KBSR.

2.0 PENGENALAN ORAL HISTORY (SEJARAH LISAN)

IMR 604 (Documenting Oral History) atau dalam bahasa melayunya, Mendokumentasi Sejarah Lisan, adalah salah satu subjek wajib bagi para pelajar dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Pengurusan Rekod. Subjek ini diambil bagipara pelajar semester 5. Subjek ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar teknik-teknik untuk menjalankan proses temubual bersama tokoh dan juga berkenaan dengan aspek teknikal yang dijalankan semasa dan selepas proses temubual dijalankan. Ini adalah penting bagi para pelajar pengurusan rekod mengetahui dan mempelajari subjek ini memandangkan ianya berkaitan dengan pengurusan rekod yang dikategorikan sebagai sumber primer kerana segala maklumat tentang sesuatu peristiwa dicertitakan oleh mereka yang mengalami dan nada sewaktu peristiwa itu berlaku.

Subjek ini juga menekankan para pelajar bagaimana untuk melengkapkan proses temubual di mana mereka perlu melakukan proses transkrip temubual yang telah dijalankan daripada kaset ke dalam bentuk transkrip. Di dalam tugas yang diberikan, para pelajar dikehendaki menggunakan kaset dan alat perakam untuk melengkapkan tugas yang diberi.